

Petronas Dagangan Berhad bantu penduduk Kg Bebuloh bekal air bersih

LABUAN: Petronas Dagangan Berhad (PDB) bersama dengan rakan kongsi Persatuan Alam Sekitar (MNS), memperluaskan program 'Water For Life' ke Kampung Bebuloh bagi menyediakan bekalan air bersih kepada lebih 1,000 penduduk kampung berkenaan.


Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PDB, Dato 'Mohd Ibrahimuddin Mohd Yunus berkata, program tersebut merupakan tindakbalas terhadap masalah kekurangan air yang dihadapi oleh penduduk kampung terutamanya apabila berlakunya tekanan air rendah.

"Ini adalah tahun ke empat kami melaksanakan program 'Water For Life' yang telah berjaya membantu membekalkan air bersih kepada 13 komuniti di seluruh negara dan ini secara tidak langsung telah mengukuhkan komitmen kami untuk memastikan masyarakat yang tinggal di kawasan yang kami beroperasi dapat memenuhi keperluan asas seperti air bersih' katanya ketika ditemui pada program tersebut di balai raya kampung Bebuloh pada Selasa.

Selain dariada pekerja dan sukarelawan PDB dan MNS, turut membantu menjayakan program sehari itu ialah kira-kira 70 ahli kumpulan Pemilik Harley (HOG) yang mana PDB menjadi rakan kongsi dalam penganjuran Borneo International HOG Rally Malaysia 2017.

Pada program itu sukarelawan daripada PDB dan MNS bersama penduduk kampung bergotong royong memasang dua buah tangki berkapasiti 1000 galon yang dilengkapi dengan sistem penapisan.

PDB juga menyumbang sebanyak 35 tangki air berkapasiti 200 galon kepada penduduk kampung terpilih.



SIMBOLIK Mohd Ibrahimuddin (dua kiri) menyerahkan secara simbolik Projek Water For Life kepada Ketua Kampung Bebuloh, Khalidin (kanan).

lidin Matali menzahirkan ucapan terima kasih kepada PDB dan MNS atas bantuan tersebut sekaligus dapat mengurangkan masalah kekurangan bekalan air bersih yang dihadapi penduduk kampung terutamanya ketika berlaku pembaikan paip dan musim kemarau yang panjang.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Asian Supply Base, Datuk Haris Anuar Tan selaku Presiden HOG Labuan, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Subzon 4, Haji Chemat Haji Mustapha, Pengurus Besar Petronas Dagangan Bhd, Perniagaan Gas Petroleum Cecair (GPC), Ramzul Hakim, dan Pengurus Kanan Bahagian GPC, Petronas Dagangan, Zailail Mo-

Petronas Dagangan Berhad bantu penduduk Kg Bebuloh bekal air bersih

LABUAN: Petronas Dagangan Berhad (PDB) bersama dengan rakan kongsi Persatuan Alam Sekitar (MNS), memperluaskan program 'Water For Life' ke Kampung Bebuloh bagi menyediakan bekalan air bersih kepada lebih 1,000 penduduk kampung berkenaan.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PDB, Dato Mohd Ibrahimuddin Mohd Yunus berkata, program tersebut merupakan tindakbalas terhadap masalah kekurangan air yang dihadapi oleh penduduk kampung terutamanya apabila berlakunya tekanan air rendah.


"Ini adalah tahun ke empat kami melaksanakan program 'Water For Life' yang telah berjaya membantu membekalkan air bersih kepada 13 komuniti di seluruh negara dan ini secara tidak langsung telah mengukuhkan komitmen kami untuk memastikan masyarakat yang tinggal di kawasan yang kami beroperasi dapat memenuhi keperluan asas seperti air bersih" katanya ketika ditemui pada program tersebut di balai raya kampung Bebuloh pada Selasa.

Selain dariada pekerja dan sukarelawan PDB dan MNS, turut membantu menjayakan program sehari itu ialah kira-kira 70 ahli kumpulan Pemilik Harley (HOG) yang mana PDB menjadi rakan kongsi dalam penganjuran Borneo International HOG Rally Malaysia 2017.

Pada program itu sukarelawan daripada PDB dan MNS bersama penduduk kampung bergotong royong memasang dua buah tangki berkapasiti 1000 galon yang dilengkapi dengan sistem penapisan.

PDB juga menyumbang sebanyak 35 tangki air berkapasiti 200 galon kepada penduduk kampung terpilih.

Sementara itu, Ketua Kampung Bebuloh, Kha-



SIMBOLIK Mohd Ibrahimuddin (dua kiri) menyerahkan secara simbolik Projek Water For Life kepada Ketua Kampung Bebuloh, Khalidin (kanan).

lidin Matali menzahirkan ucapan terima kasih kepada PDB dan MNS atas bantuan tersebut sekaligus dapat mengurangkan masalah kekurangan bekalan air bersih yang dihadapi penduduk kampung terutamanya ketika berlaku pembaikan paip dan musim kemarau yang panjang.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Asian Supply Base, Datuk Haris Anuar Tan selaku Presiden HOG Labuan, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Subzon 4, Haji Chemat Haji Mustapha, Pengurus Besar Petronas Dagangan Bhd, Perniagaan Gas Petroleum Cecair (GPC), Ramzul Hakim, dan Pengurus Kanan Bahagian GPC Petronas Dagangan, Zailail Mohamad. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**